Bil:(85)dlm.RSC.No.39/54

Pejabat Pendaftaran,

Mahkamah Tinggi,

Mahkamah Keadilan,

Kuala Lumpur.

6hb.Disember, 1969.

Semua Yang diPertua/Kanan, Mahkamah Sesyen.

Semua Majistret, Mahkamah Rendah.

Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar, Mahkamah Tinggi.

PEKELILING PENDAFTAR NO: 8/1969

Sukacita saya menarik perhatian semua Yang diPertua Kanan/Yang diPertua, Mahkamah Sesyen dan Majistret-Majistret berhubung dengan siaran dalam surat khabar "Straits Times" yang bertarikh 2hb Disember, 1969, dimana Encik Hakam Singh telah dilapurkan sebagai menyatakan bahawa tiap-tiap permohonan untuk sesuatu perbicaraan diadakan didalam Bahasa Inggeris hendaklah diperbuat dengan cara bertulis. Encik Hakaim Singh telah menyatakan bahawa perkara ini telah tidak dilapurkan dengan betul.

2. Apa yang dikata dan dimaksudkan olehnya ialah segala surat menyurat dengan Mahkamah-Mahkamah hendaklah ditulis didalam Bahasa Malaysia. Sila lihat ayat pertama dalam perenggan kedua dalam Pekeliling Pendaftar No. 7/1969, yang bertarikh 20hb. November, 1969, iaitu sebagai berikut:-

"Semua surat menyurat juga hendaklah dijalankan dengan mengguna Bahasa Malaysia."

3. Perenggan pertama adalah dimaksudkan sebagai menarik perhatian kepada dasar Kerajaan, sebagaimana yang disebutkan dalam, Akta Bahasa

Kebangsaan, 1967, untuk mengiatkan lagi kegunaan Bahasa Malaysia didalam semua perbicaraan didalam Mahkamah-Mahkamah Rendah, jika keadaan mengizinkan. Parlimen telah membuat peruntukkan dalam fasal (8) Akta itu, sebagai berikut:

"Bahasa Mahkamah"

8. Segala pembicaraan (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, atau sebahagiannya dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam pembicaraan dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan bagi pembicaraan itu, memerintah bahawa pembicaraan itu (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) hendaklah sama ada kesemuanya dalam bahasa kebangsaan atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris."

4. Pekeliling ini telah dikeluarkan dengan arahan Yang Berhormat Hakim Besar.

T.T.MOHD.EUSOFF BIN CHIN

b.p.PENDAFTAR.